



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
Jabatan Perdana Menteri
Tingkat 10, One IOI Square
IOI Resort
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel : +603 – 89957016/7019/7006
Faks : +603 – 89411000
Web : <http://www.mmea.gov.my>

Rujukan : APMM UKK 100-2/1 Jld.5()
Tarikh : 17 Julai 2018

SIARAN MEDIA

DUA BUAH BOT NELAYAN ASING (VIETNAM) DITAHAN MENCEROBOH DAN MENANGKAP IKAN DI PERAIRAN NEGARA

17 JULAI 2018 KUALA TERENGGANU - Dua buah bot nelayan asing ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Mairitim Malaysia) Negeri Terengganu di dua lokasi berbeza, iaitu antara 58 hingga 62 batu nautika dari muara Kuala Terengganu semalam.

Bot berkenaan adalah bot nelayan asing dari Negara Vietnam, turut ditahan 23 awak-awak termasuk tekong yang berumur di antara 19 hingga 51 tahun, tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah. Maritim Malaysia telah semua aset dan hasil rampasan bernilai hampir RM 3 juta termasuk hasil tangkapan laut, minyak diesel, bot dan peralatan menangkap ikan.

Laksamana Maritim Dato' Sri Zulkifili bin Abu Bakar, Ketua Maritim Malaysia berkata, “kedua-dua bot tersebut di tahan oleh kapal Maritim yang melakukan rondaan Ops Perkasa Timur dan Ops Marikh, bot tersebut telah di tahan ketika sedang memukat ikan secara tunda dengan mengguna dua buah bot”.

Jelasnya lagi, “bot tersebut di bawa ke jeti Maritim Negeri Terengganu untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 15 (1) (a) 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran yang sah daripada Pengarah Perikanan Malaysia dan tidak memiliki lesen yang sah, serta Seksyen 6(1)(c) akta Imigresen kerana tidak mempunyai dokumen pengenalan diri dan permit kerja yang sah.

Tambahnya lagi, perairan Terengganu mempunyai 156 pelantar minyak dan gas yang merupakan lubuk dan tempat pembiakan ikan serta mempunyai hasil laut yang berkualiti sering menjadi tumpuan kepada nelayan negara asing terutama nelayan Vietnam. Maritim Malaysia tidak akan sesekali berputus asa dan berkompromi dengan mana-mana pihak terutama nelayan asing yang menceroboh perairan negara bagi mengaut hasil laut tanpa kebenaran yang akan merugikan pendapatan negara.

Rondaan dan pemantauan berterusan di perairan negara dari semasa ke semasa untuk mencegah sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang maritim, justeru itu kerjasama dari masyarakat terutama nelayan tempatan untuk melaporkan sebarang maklumat dan salah laku yang berlaku di perairan Negara ke talian MERS 999 atau 09-6224357 (Pusat Operasi Maritim Negeri Terengganu.

-TAMAT-

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:
Adeli Hussin
Pegawai Perhubungan Awam Maritim Malaysia
Tel: 012-6592068
Fax: 03-89411000
Email: adeli@mmea.gov.my